

14/03/2000

Bosnia perlu sokongan Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin - Bosnia-Herzegovina meminta Malaysia terus menyokong pengukuhan dan peningkatan keupayaan angkatan tenteranya bagi mengelakkan berulang tragedi pembunuhan beramai-ramai rakyatnya pada 1992-1995.

Hasrat itu disampaikan oleh Komander Persekutuan Tenteranya, Jeneral Rasim Delic dalam kunjungan hormatnya ke Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Delic meminta Malaysia meneruskan sokongan terhadap pelbagai institusi penting, termasuk Kementerian Pertahanan dan angkatan tenteranya walaupun keadaan di negara Balkan itu bertambah baik.

"Mereka (Bosnia-Herzegovina) sedang melalui satu tempoh penyatupaduan dan mereka mahu memperluaskan keupayaan bagi memastikan tidak berulangnya pembunuhan bangsa mereka," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat rombongan Delic di pejabatnya, di sini hari ini.

Najib berkata, dalam pertemuan itu, beliau dan Delic turut berbincang mengenai penjualan senjata dan latihan ketenteraan.

Berhubung latihan ketenteraan, Najib berkata, kementerian menawarkan 29 kursus bagaimanapun hanya 12 kursus yang diterima Kementerian Pertahanan Bosnia-Herzegovina, termasuk dua kursus secara kumpulan.

Katanya, mereka tidak dapat menerima semua kursus yang ditawarkan kerana kekurangan kakitangan taktikal selain penguasaan bahasa Inggeris.

"Buat masa ini, seorang pegawai tentera Bosnia menjalani latihan di Maktab Turus Angkatan Tentera dan tiga lagi di Pusat Latihan Tentera Darat (Pulada) di Johor," katanya.

Najib berkata, Malaysia juga menempatkan lima pegawai tentera di Bosnia-Herzegovina yang bertugas sebagai pemerhati di bawah misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Delic yang tiba di negara ini Sabtu lalu dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pagi esok sebelum berlepas pulang pada sebelah malam.

(END)